

PERSIDANGAN SEMINAR PENDIDIKAN MELAYU ANTARABANGSA (SEPMA) 2010

“PENDIDIKAN TERAS BANGSA DIPERKASA”

29 - 31 MAC 2010 * KANGAR, PERLIS. MALAYSIA

Tajuk Kertas Kerja:
“Pendidikan Melayu Antarabangsa”

Pembentang:
EN. MOHD NOOR MOHD SAID PBM MSC (HRM)

Organisasi:
**Pengurus, Pembangunan Sumber Manusia
Jamiyah Singapura
31 Lorong 12 Geylang,
Singapura 399006**



Kertas Kerja “Pendidikan Melayu Antarabangsa”

**MOHD NOOR MOHD SAID PBM MSC (HRM)
Pengurus, Pembangunan Sumber Manusia
Jamiyah Singapura
31 Lorong 12 Geylang,
Singapura 399006**

Tel: +65 - 67431211/+65 - 96372054 e-mail:mohdnoorsaid@jamiyah.org.sg, info@jamiyah.org.sg

BIODATA

- 1) Jawatan Terkini - Pengurus, Pembangunan Sumber Manusia, Jamiyah Singapura. Bertugas di Jabatan Pendidikan mendukung kegiatan pendidikan dan khidmat masyarakat dalam menjana pembangunan ummah dan menyebarkan syiar Islam disamping meningkatkan keupayaan masyarakat Melayu/Islam di Singapura.
- 2) Pernah berkhidmat dengan Kongres Kesatuan Sekerja Kebangsaan (NTUC) memegang berbagai jawatan termasuk sebagai Ketua Jabatan Produktiviti, Jabatan Belia, Jabatan Kesihatan & Kemalangan Pekerjaan & Penolong Pengarah Jabatan Produktiviti. Mempengerusikan berbagai projek pembangunan sumber manusia. Pernah menyandang Jawatan Setiusaha Eksekutif Kesatuan-Kesatuan Hospital swasta dan terlibat dalam penstrukturan semula kesatuan-kesatuan tersebut dan kesatuan Pekhidmatan dan Pengangkutan. Pernah juga bertugas sebagai 'Principal Consultant' dengan syarikat perundingcara(management consultant) antarabangsa 'SGD Asia' di bidang pengurusan dan 'change management'.
- 3) Dalam bidang kerja-kerja kemasyarakatan telah menyandang beberapa jawatan termasuk sebagai Setiausaha Agung dan kemudiannya Timbalan Presiden, Majlis Pusat Pertubuhan-Pertubuhan Budaya Melayu Singapura, Pengerusi, Jawatankuasa Eksekutif Penyelaras Kegiatan Melayu Persatuan Rakyat – MAEC. Pernah berkhidmat sebagai Anggota Lembaga Pengarah Majlis Pendidikan Masyarakat Melayu Singapura (Yayasan Mendaki).
- 4) Telah dianugerahkan Pingat Bakti Masyarakat (PBM) oleh Presiden Republik Singapura dan dipilih sebagai Pemenang 'Anugerah Eksekutif Sumber Manusia' oleh Singapore Human Resource Institute (SHRI) bagi Eksekutif Sumber Manusia Terbaik tahun tersebut. Kementerian Sumber Manusia Singapura (MOM) juga telah menganugerahkan sijil kepujian dalam pendidikan pencegahan kemalangan dan kesedaran kesihatan di tempat kerja (OSH).

Kertas Kerja Oleh:

**Encik Mohd Noor Mohd Said PBM,
Pengurus Pembangunan Sumber Manusia, Jamiyah Singapura
Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa Dengan Tema “ Pendidikan Teras
Bangsa Diperkasa”
Pada 29-31 Mac di Negeri Perlis, Malaysia.**

MUKADIMMAH

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada **DMDI** kerana memilih tema seminar “**Pendidikan Teras Bangsa Di Perkasa**” yang begitu tepat sekali dan bersesuaian dalam konteks dunia hari ini yang berubah-ubah dan semakin bersaing meletakkan pentingnya kita berdaya saing dan berkeupayaan tinggi.

Jika kita berhasrat untuk memastikan bahawa pendidikan Melayu itu akhirnya mencapai matlamat yang disasarkan, kita perlu dahulu tentukan bahawa pendidikan yang kita laksanakan itu terus relevan dan terkini sesuai dengan kehendak semasa dan bukan “Education for the sake of education” Yang menarik sekali kalau kita rujuk kepada kamus Oxford: “Education” ditakrifkan sebagai “ the process of educating or being educated with the theory and practice of teaching about or training in a particular subject sedangkan “Educe” membawa maksud “ bring out or develop something latent or potential”

Kita perlu melihat pendidikan Melayu sebagai suatu cabaran yang boleh diatasi. Pendekatan pendidikan yang kita amalkan seharusnya bukanlah setakat mengisi keperluan sahaja tetapi sebaliknya ianya harus menjana pembentukan minda dan keupayaan berdaya saing setanding dengan kaum-kaum lain di muka dunia ini. Justeru itu pendekatan “Blue Ocean Strategy” yang diketengahkan oleh YAB Presiden DMDI merangkap YAB Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Haji Mohd Ali Rustam suatu ketika dulu, itu haruslah diberi perhatian kerana ianya menjana suatu pemikiran luar lingkungan yang mahukan orang Melayu menjadi pelopor sesuatu idea atau usaha daripada hanya mengikut trend sahaja.

PENDEKATAN

Pendekatan kertas kerja ini saya dasarkan kepada kata-kata asas yang termaktub di dalam intisari tema seminar ini iatu (a) Cabaran (b) Pendidikan (c) Melayu (d) Antarabangsa

Terlebih dahulu saya ingin mengupas kata kunci 'Cabaran'. Dalam buku berjudul "**Re-Thinking The Future**" oleh guru-guru pengurusan yang nama mereka tertera di bawah, ianya meletakkan dunia ini sebagai semakin tak menentu dimana sistem kerja, organisasi & ekonomi sedang menjalani perubahan. Mereka berpendapat bahawa ia sedang beralih dari suatu sistem 'hierarchy dan kuasa demokratik yang diamalkan oleh syarikat-syarikat gergasi kepada rangkaian kerjasama global atau "global-network"

- | | | |
|------------------|-------------------|-------------------|
| a) Charles Handy | b) Stephen Covey | c) Michael Porter |
| d) CK Parahalad | e) Phillip Kotter | f) Michael Hammer |
| g) Eli Goldratt | h) Peter Senge | i) Warren Bennis |

Lima kuasa (forces) sedang berlaku yang diungkapkan sebagai 'economic plates' atau plat ekonomi yang boleh disenaraikan seperti berikut:

- a) Terhapusnya komunisma
- b) Beralihnya industri sumber semulajadi kepada industri 'kuasa minda'
- c) Pertumbuhan pesat bilangan penduduk yang semakin tua meletakkan kuasa membuat keputusan di tangan golongan tersebut.
- d) Ekonomi global yang bebas.
- e) Dunia hari ini bukan lagi satu dunia 'unipolar world'

MEMBUDAYAKAN PENDIDIKAN SEBAGAI TERAS BANGSA MELAYU MAJU

Amatlah penting bagi kita membuat suatu penilaian akan kedudukan budaya pendidikan kita sekarang agar dapat memastikan bahawa budaya yang wujud sekarang adalah merupakan suatu 'asset strategy' dan bukan 'penambat perubahan' (change anchor).

Sekiranya ia adalah asset strategi asset maka hendaklah kita kekalkan dan sebaliknya jika ianya adalah penambat perubahan maka kita perlu mengubahnya kepada budaya 'adaptive' walaupun mencapainya amalah sukar. Kita tidak ada lain pilihan kecuali mengelakkan diri dari dijebak oleh peredaran sekitaran pendidikan yang semakin mencabar dan bersaing.

John P Kotter seorang Professor di dalam bidang kepimpinan di Havard Business School, Massachusetts menekankan bahawa kita perlu menangani perkara ini dan mewujudkan pemimpin-pemimpin yang akan memimpin kumpulannya kearah pendidikan 'cemerlang'

Menerapkan nilai-nilai berdaya saing, berpenghasilan tinggi dan bermutu cekap sebagai suatu 'brand' atau jenama orang Melayu

Orang-orang Melayu dikatakan malas, lambat dan tiada inisiatif. Walaupun perkara ini mungkin adalah suatu 'stereo-type' oleh pihak-pihak tertentu, namun ianya haruslah merangsang orang Melayu untuk meningkatkan lagi keupayaan daripada merasa rendah diri. Dalam abad ke-16 para pedagang Melayu berlayar keutara ke negeri Cina dan ke Madagaskar di barat memperdagangkan rempah yang berharga. Pedagang Melayu masa lampau menjalankan perdagangan rancak dengan provinsi Funan, Cina dan bersaing. Bagi pedagang selatan melalui selat Melaka. Kaum nelayan Melayu bangun pagi untuk ke laut dan menoreh getah di ladang, maka kita harus rajin sedemikian sewaktu bekerja di pejabat, kilang atau pun berniaga sendiri.

Cebisan Sejarah Pendidikan Sekolah Melayu Di Singapura

Tengkarah mengenai sama ada pendidikan untuk penduduk-penduduk Singapura akan dilaksanakan dengan bahasa Inggeris ataupun dengan menggunakan local 'vernacular language' telah berlarut-larut dikalangan pegawai pendidikan East India Company semenjak tahun 1831 hingga 1835. Sementara tengkarah belum selesai, Raffles yang diiringi Abdullah Munsyi telah pulang ke Singapura dari melawat sekolah Quran di Melaka pada tahun 1819. Pulang dari lawatan itu Raffles telah berkata: 'If I live I shall have a school set going for teaching Malay. I am most anxious about that as it is a beautiful language, further it is of great utility' Namun sekolah yang diidamkan Raffles tersangkak selama 15 Tahun sebelum dapat dilaksanakan

Sebelum Raffles membuktikan perkataannya, Rev GH Thomson tiba di Singapura pada tahun 1822. Di sebuah rumah di simpang North Bridge Road dengan Bras Basah Road, Reverend itu mengajarkan bahasa Melayu kepada 12 orang kanak-kanak (6 Lelaki diajarnya sendiri dan 6 yang perempuan diajar oleh isterinya. Dua belas kanak-kanak Melayu yang bertuah itu barangkali merupakan yang mula-mula sekali diharapkan akan berpeluang mempertingkatkan ekonomi OMD (Orang Melayu Dulu) berlandaskan ilmu KBE (Knowledge Based Ekonomi)?

Falsafah pelajaran Melayu Raffles ketika itu bercorak elitis. Beliau berminat mendedahkan pelajaran barat kepada para elit tradisional Melayu dan untuk menjadikan mereka, para elit Orang Melayu Dulu (OMD, pegawai kelas pertengahan dan bawahan dalam perkhidmatan pentadbiran penjajah (East

India Company) serta para peniaga dan pengusaha Barat. Malangnya sistem pendidikan Raffles itu tidak cocok dengan sikap OMD yang masih berpegang kuat kepada konsep pendidikan tradisional. Tambahan pula sistem 'Singapore Free School' telah diasaskan badan dakwah Kristian. Ini menimbulkan buruk sangka di kalangan ibu bapa OMD terhadap sekolah tersebut. Konsep pendidikan tradisional OMD ialah "penyaluran pendidikan moral-etika secara tak formal "iaitu penyaluran pengetahuan menerusi penyertaan langsung dalam aktiviti-aktiviti masyarakat dan juga mencontohi peri laku keluarga yang berpengetahuan dan berkemahiran (Jika ayahnya petani, anaknya akan menjadi petani, jika ayahnya nelayan, anaknya akan menjadi nelayan juga. Sikap sedemikian tergambar dalam bidalan leluhur yang berkata: "Kemana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi"

Sekolah Vernakular Melayu Ibrahim Blandell

Dalam tahun 1855, Temenggung Ibrahim (Johor) yang berkediaman di Telok Blangah dan Governor Singapura E.A. Blandell masing-masing menderma \$1,500 untuk mengalakkan pelajaran Melayu. Dan pada tahun 1856 telah dirikan sekolah vernakular Melayu Telok Blangah. Kemudian diikuti dengan pembinaan sekolah-sekolah vernacular Melayu di Telok Saga (Pulau Brani) di Kampong Jago, di Rochore dan di Siglap. Pada tahun 1876 didirikan Sekolah Telok Blangah Baru di Kampong Baru Road tidak jauh dari simpang Telok Blangah Road dan Keppel Road. Sekolah Telok Blangah yang di kawasan istana Maharaja Johor diantarkan sebagai menjadi 'sekolah tinggi' Selain dari diajarkan bahasa Inggeris kelas perindustrian seperti menganyam bakul, menjilid buku, bertukang kayu, menjahit, menyulam dan sebagainya turut disertakan.

Di Singapura, mengikut trend profil integrasi ekonomi di kalangan masyarakat Islam di Singapura amatlah sukar untuk disangkal kerana walaupun hampir kesemuanya Melayu adalah orang Islam (96.6%). Pada ketika itu, suku ia itu (22.6%) daripada penduduk India Singapura adalah Muslim dan terdapat juga bilangan Muslim di dalam kategori yang lain seperti orang Arab

Isu-isu yang menjejaskan integrasi Pendidikan Muslim Singapura dan kesannya terhadap pembentukan identiti dalam suatu kajian telah membuktikan bahawa pemilihan cara pendidikan orang-orang Islam Singapura menunjukkan bahawa orang Melayu lebih cenderung kepada memilih pendidikan aliran utama (main-stream) iaitu sekolah nasional. Ini menggambarkan bahawa terdapat suatu integrasi yang menyeluruh di kalangan orang Melayu dan bukan Melayu

Yayasan bagi pembangunan pendidikan Melayu/Islam – **Yayasan Mendaki** telah ditubuhkan pada tahun 1982. Ianya bermatlamat untuk menanam minat kepada pembelajaran di kalangan masyarakat Melayu /Islam Singapura. Ini bukan lah perkara mudah kerana ruang-lingkup pendidikan di Singapura semakin berubah dan pesat berkembang. Semenjak Singapura mencapai pemerintahan sendiri pihak

berkuasa telah meletakkan polisi pendidikan sebagai menyokong pembangunan ekonomi dan integrasi sosial.

Semasa Pelancaran Kongres Mendaki pada tahun 1982, Perdana Menteri Singapura pada ketika itu, Encik Lee Kuan Yew menyatakan:

'Untuk mencapai kejayaan sepenuhnya, orang Melayu harus bermula dari asas lagi bermakna dari peringkat anak-anak itu mula sedar akan sekitarnya dan mula mengenal suara dari ibu dan ayahnya, belajar untuk bercakap untuk berinteraksi dengan abang atau kakaknya. Dengan lain perkataan tiada jalan singkat untuk mencapainya' Tambahan beliau:

'Walau apa sahaja pemerintah lakukan termasuk dalam lingkungan sistem sekolah, tidak kira apa sahaja galakkan yang diberikan oleh MENDAKI dan golongan interlektual dan para aktivis ianya tidak akan berlaku sekiranya sikap positif yang diperlukan dari setiap keluarga, individu dan penuntut tidak wujud'

SUMBER EKONOMI MELAYU

Di dalam konteks Singapura sebelum mengenal kepada kekata ekonomi, OMD (Orang Melayu Dulu) menyebutnya dengan kata **iktisad**: Kekata **kerja** itu ialah sebutan lidah Melayu menyebutkan kata "karya" dalam bahasa Sanskrit yang memberi makna melakukan sesuatu yang akan mendatangkan hasil. Leluhur Melayu meninggalkan pesan kepada anak-cucunya dengan bidalan yang berkata:

**'Kepada bumi kalau berbudi
Tiada siapa yang akan rugi'**

Sesuai dengan zamannya leluhur mengingatkan anak-cucunya supaya memanfaatkan tanah atau bumi itu sebagai sumber ekonominya. Maka usahakanlah tanah itu sebagai lahan persawahan, pertanian, perladangan, perdusunan, dan sebagainya sehingga datang orang-orang dagang kemari menggali tanah mengeluarkan timah, emas dan minyak dari perut buminya. Besi, tembaga, perak dan emas yang tergali juga pernah menjadi sumber ekonomi OMD. Mereka titik besi dan tinting menjadi alat dan senjata seperti pisau, parang, keris, tombak, kacic dan sebagainya. Perak mereka usahakan menjadi perhiasan dan bekas menyimpan barang-barang kemas dan tembaga mereka kerjakan itu menjadi tepak sirih, ketur cembul, bejana dan sebagainya. OMD yang berusaha membuat barangan itu dipanggil tukang. Tukang kayu yang membuat rumah dan perahu dipanggil 'serimala'. Pertukangan yang disebut kraftangan telah diusahakan oleh OMD sebagai sumber ekonominya.

Teras Pendidikan Melayu Antarabangsa

Teras Pendidikan Melayu Antarabangsa harus menumpukan perhatian terhadap perkara-perkara berikut:

- a) Menjurus kepada Islam sebagai Al-Din
- b) Mempimpin berteraskan proses syura
- c) Mempunyai rasa tanggung jawab yang kukuh terhadap penyatuan dan perpaduan ummah
- d) Mempunyai naluri pencapaian dalam bidang ilmu pengetahuan, dan penghasilan kekayaan menerusi keusahawanan dan daya saing yang tinggi.
- e) Cenderung kepada warisan budaya Melayu yang melibatkan bahasa, sastera, adat dan akhlak
- f) Menunjukkan kewibawaan dan kebolehan untuk maju diri dengan menunaikan segala janji atas prinsip "Kata Dikota....Janji Dilaksana"
- g) Memupuk semangat Tanzim Haraki (membentuk prestasi kumpulan)
- h) Menerajui proses menimba ilmu menerusi k-ekonomi (ekonomi berteraskan ilmu, teknologi matlumut, kepakaran multi-media dan perdagangan elektronik).
- i) Berupaya memikir dan melaksana di luar lingkungan
- j) Berkreatif, berinovatif memanfaatkan konsep 'Blue Ocean Strategy'

Nilai-nilai Positif Melayu yang harus diterapkan didalam pendidikan Melayu Antarabangsa

- a) Nilai Taat Setia
- b) Nilai Berani
- c) Nilai Jujur
- d) Nilai Cinta
- e) Nilai Malu & Segan
- f) Nilai Rajin & Usaha
- g) Nilai Sukarela
- h) Nilai Gotong Royong
- i) Nilai Mesra
- j) Nilai Simpati
- k) Nilai Sabar
- l) Nilai Benar
- m) Nilai Waktu dan Masa
- n) Nilai Ilmu
- o) Nilai Terima kasih

- p) Nilai Kuat
- q) Nilai Waspada
- r) Nilai Takut
- s) Nilai Tahan

Beberapa Konsep Pengurusan yang boleh ditimba bagi orang Melayu menjadi Pengurus dan Pentabir yang berjaya !

- a) "**Corporate Sun Zu**" menguatarkan bahawa pengurusan adalah ibarat peperangan. Ianya harus mempunyai strategi jauh dan dekat
- b) Pengurusan menerusi mendengar dan memberi peluang kepada kaki-tangan mencuba dan melahirkan impian mereka dikeutarakan oleh **Bill Hewlett & Dave Packard** melalui konsep "**Management By Walking Around**" (MBWA)
- c) Pengurusan melalui objektif (**MBO**) yang dikeutarakan oleh orang Amerika kelahiran Austria – **Peter Drucker** menerusi konsep yang mencadangkan agar kita keluar dari kepompong taksub dengan kerja sehari-harian sehingga terlupa matlamat dan objektif yang lebih luas.
- d) Pengurusan "Mengabdikan Diri" (**Servant Leadership**) oleh **Robert Green Leaf** yang tidak bersetuju dengan sistem pengurusan yang terlalu dikontrol oleh ketua (eccentric).
- e) Mengikuti **Steven Hankin and Mc Kinsey** jika sesebuah syarikat itu mahu maju dan standing ianya perlu menarik pakar dan kemahiran terkini dan terbaik.
- f) **Spenser Johnson** pula mencadangkan konsep "change management" dengan asas konsep "Who Moves My Cheese"

Bidang-bidang Pendidikan Yang Perlu Terus Diterokai Untuk Maju dan Berdaya Saing:

- a) Sains kaji hayat
- b) Sains baka atau keturunan
- c) Teknologi pertahanan
- d) Pembangunan kecekapan
- e) Kajian & pembangunan
- f) Perubatan
- g) Teknologi Penghijuan
- h) Teknologi Kreatif dan sebagainya
- i) Sains angkasa dan lain-lainnya

Agama Islam menganjurkan Umatnya agar sejahtera

'Pendidikan Teras Bangsa di Perkasa' memang tak dapat disangkal lagi. Pendidikan adalah asas bagi sesuatu bangsa untuk maju jaya. Kita perlu fokus dan harus sedar bahawa agama Islam telah meletakkan landasan yang kukuh. Berbagai anjuran positif telah diberikan kepada kita umat Islam untuk terus maju. Ini perlu dihayati sedalam-dalamnya dan dilaksanakan tanpa berlengah dan memberi alasan-alasan tertentu:

- a) IQRA – Bacalah dengan nama Allah - Konsep ini perlu diperluaskan lagi
- b) Tuntutlah ilmu hingga ke negeri Cina - Terdapat banyak sumber & peluang berniaga
- c) Tuntutlah ilmu dari buaian hingga ke-liang lahat – Pendidikan awal sebagai 'niche'
- d) Berniagalah kerana lebih 99% dari rezeki datang dari berniaga
- e) Gesaan marilah sembahyang dan menuju kejayaan – Peringatan yang perlu ditekan

Saranan-saranan berikut ingin diketengahkan untuk dibincang dan diipertimbangkan oleh DMDI:

- a) Pembentukan 'Pemikir Pendidikan & Ekonomi Melayu Antarabangsa 'Global Malay Education & Economic Think-Tank'
- b) Anugerah Pencapaian Melayu Antarabangsa (Anugerah PRISMA) khusus di bidang pendidikan dan keusahawanan.
- c) Pertandingan 'Cipta Reka Bimasakti' DMDI untuk mengalakkan budaya kreatif dan inovatif bertaraf kelas dunia (world class)
- d) Program Pendidikan Entrepreneur Cilik
- e) Memperkenalkan konsep 'Seamless & Borderless Education'

KESIMPULAN

'Pendidikan Teras Bangsa di Perkasa' amatlah tepat sekali. Melalui pendidikan, bangsa Melayu boleh terus maju dan mencapai taraf dunia (super-league). Di samping itu, 'Bargaining Power' sebenarnya terletak di tangan para peniaga dan pengusaha. Maka di bidang ini orang Melayu seharusnya jangan ketinggalan dan perlu 'Duduk Sama Rendah Berdiri Sama Tinggi' dengan kaum lain di nusantara ini dan bangsa-bangsa termuka yang lain di muka bumi ini.

Masyarakat Melayu harus berjinak-jinak dari kecil lagi dengan alam perniagaan dan meningkatkan kemahiran mereka di dalam bidang-bidang pendidikan, pengurusan dan keusahawanan. Mereka perlu mempelajari tentang perniagaan dari kaum lain yang telah berjaya. Didalam negeri mereka perlu menjalin jaringan keusahawanan dengan kaum cina, India dan sebagainya. Juga seperti yang disebutkan, dengan orang-orang di negeri Eropah, Cina, India, Amerika, Australia dan lain-lainnya untuk menimba ilmu dan menempa nama di dunia pendidikan, pengurusan, keusahawanan dan kepakaran. Kita perlu menjadi '**Katak Atas Tempurung**' (helicopter view dan daya leap-frog) bukan sebaliknya.

Pendidikan awal perlu terus ditekankan kerana seperti kata pepatah Melayu 'Melentur Buluh Biarlah Waktu Rebungnya' Sebagai contoh izinkan saya sebutkan di sini bahawa Jamiyah Singapura di bawah kepimpinan Presidennya, Tuan Haji Abu Bakar Maidin telah lama sedar akan pentingnya pendidikan awal dan seterusnya. Justeru itu suatu rangkaian Pusat Pendidikan Awal seperti 'Jamiyah Childcare Centre (JCC), Jamiyah Kindegarten (JK), 'Global Child Development Centre (GCDC) dan beberapa Pusat Penjagaan Penuntut telah didirikan di merata Singapura.

Bagi para penuntut di peringkat yang lebih tinggi, Jamiyah telah membentuk 'Jamiyah Business School' sejak tahun 1991 untuk mengendalikan kursus-kursus di peringkat sijil, diploma, dan ijazah. Alhamdulillah berkat usaha gigih, baru-baru ini JBS telah diberi pengiktirafan oleh 'Pusat daya penghasilan negara' (Spring Singapore) dengan Anugerah SQC (Singapore Quality Class) suatu

pengiktirafan yang dapat meningkatkan lagi prestasi dan keupayaan. Anugerah ini adalah suatu anugerah yang berprestij di Singapura.

Selain dari itu, memandangkan semakin pentingnya pembelajaran bahasa Arab, Jamiyah Singapura dengan kerjasama 'Al-Madinah University' telah menjalankan berbagai kursus termasuk mempelajari bahasa Arab secara online. Madrasah hujung minggu kelolaan Jamiyah Education Centre (JEC) pula menjana pendidikan ukhrawi agar kita dapat memberi anak-anak kita pendidikan yang lengkap dan menyeluruh. Pendidikan agama juga terus ditekankan menerusi penganjuran syarahan-syarahan bercorak keagamaan termasuk mengadakan majlis-majlis memperingati hari-hari kebesaran Islam seperti Sambutan Maulidur Rasul, Sambutan Awal Muharam dan Sambutan Hari Raya Korban dan Aidilfitri

Selain dari itu Jamiyah juga mengendalikan rumah Jagaan Warga Tua (Darul Takrim), Rumah Kanak-Kanak Darul (Ma'wa), Rumah Rawatan (Darul Shifa) dan Rumah Peralihan (Darul Islah). Ini menunjukkan bahawa kemajuan pendidikan tidak sekali-kali membuat kita lupa akan golongan yang memerlukan khidmat kebajikan.

Hubungan akrab dengan DMDI terutama sekali dengan YAB Ketua Menteri Melaka dan Presiden DMDI Dato' Seri Haji Mohd Ali Rustam serta Jawatankuasa Eksko dan Pegawai-pegawai DMDI telah dijalin dan dikukuhkan lagi dengan temetrinya beberapa 'Memorandum Kesefahaman' dalam projek-projek pendidikan, budaya dan keusahawanan yang sedang di dalam proses pelaksanaan.

Semoga segala inisiatif yang telah diambil oleh Sekretariat DMDI di bawah kepimpinan teguh Presidennya yang juga merupakan Ketua Menteri Melaka, yang mempunyai wawasan luas menjadikan Melaka bandaraya bersejarah yang dikitiraf dunia, akan terlaksana dengan jayanya dan visi memperkasakan bangsa Melayu dapat tercapai dan dikabulkan Allah SWT Melalui usaha gigih, sokongan pemerintah/kerajaan dan usaha masyarakat Melayu itu sendiri, bangsa Melayu telah dapat melahirkan ramai para jutawan Melayu yang boleh dibanggakan. Pencapaian ini tentunya boleh dirancakkan lagi dan dilipat gandakan (multiply).

Akhirkata terimalah dua rangkap pantun dari hati ke hati buat renungan kita bersama:

**Jahit berjahit tepi kasur
Suji bersuji tepi bantal
Kalau ghaib dalam usul
Titip saja pada asal**

**Kenapa kayu lebat berbuah
Kerana kumbang datang menyeri
Mengapa Melayu disebut bertuah
Kerana percaya kemampuan sendiri**

Salam Ukhuwah dari,

MOHD NOOR MOHD SAID PBM, MSC (HRM)
Pengurus, Pembangunan Sumber Manusia
Jamiyah Singapura

Jatidiri + Berdikari + Pelopori + Mandiri = Melayu Global Unggul